

MENINJAU KESEDIAAN AWAL PELAJAR POLITEKNIK SEBELUM
MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DALAM MENINGKATKAN
PENGETAHUAN TERHADAP ALAM PEKERJAAN

RAHIZANA BINTI MOHD IBRAHIM

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MTD)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

Teristimewa untuk

Suami tercinta yang sentiasa berada disisi,
memahami, memberi semangat , dorongan dan
juga kata-kata perangsang agar saya dapat menyudahkan projek sarjana ini.

Tidak dilupakan juga

Mak, abah serta keluarga tersayang yang sentiasa mendoakan kejayaan saya

Buat semua yang menjayakan

Terima kasih diatas pertolongan dan pengorbanan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurniaNya, dapat juga saya menyiapkan laporan projek saya yang bertajuk "Meninjau Kesediaan Awal Pelajar Sebelum Menjalani Latihan Industri Dalam Pengetahuan dan Kefahaman Mengenai Keadaan Sebenar Alam Pekerjaan ". Walaupun pelbagai rintangan dan limitasi, segala kerja dapat diatasi dan berjaya menghantar hasil kajian dalam masa yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Yusmarwati Binti Yusuf, selaku pensyarah penyelia bagi kajian ini di atas bimbingan dan tunjukajar yang diberikan. Inisiatif dan bimbingan dari beliau di sepanjang semester telah berjaya membantu dan membimbing dalam menghasilkan kertas penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua sahabat-sahabat yang secara tidak langsung membantu dalam menyiapkan laporan projek ini.

Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan kepada suami serta keluarga tersayang kerana sanggup bersama-sama berkorban dan mengambil berat sehingga selesainya laporan ini.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau kesediaan awal pelajar sebelum menjalani latihan industri dalam pengetahuan dan kefahaman mengenai keadaan sebenar alam pekerjaan. Kajian ini dibuat ke atas 90 orang pelajar peringkat sijil bagi kursus kejuruteraan Elektrik, Mekanikal dan Awam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh yang telah menjalani latihan industri. Kajian ini juga dibuat untuk meninjau sama ada terdapat kepincangan terhadap program latihan industri yang sedang dilaksanakan supaya cadangan untuk memperbaikinya dapat dibuat. Justeru itu, kajian dibuat bagi menilai aspek-aspek seperti kesediaan awal pelajar sebelum memasuki latihan industri, kefahaman mereka mengenai etika kerja, kehidupan sosial mereka sebelum menjalani latihan industri, hubungan mereka dengan pihak Politeknik dan juga pihak Industri serta masalah hubungan komunikasi di tempat kerja dengan pekerja industri yang boleh menjejaskan mutu latihan yang mereka jalani. Justeru itu, daripada analisis yang dibuat, satu cadangan modul kursus jangka pendek latihan kemahiran interpersonal di tempat kerja dicadangkan untuk di sertai oleh pelajar sebelum menjalani latihan industri bagi memperbaiki lagi program latihan industri yang sedia ada. Kursus ini mencakupi pengenalan mengenai organisasi syarikat, kemahiran berkomunikasi serta etika sosial ketika berada di sektor perindustrian. Modul ini juga dibuat bersama bahan-bahan pengajaran bagi memudahkan kursus ini dijalankan. Di harap dengan kajian yang telah dibuat dan juga pembinaan modul ini, akan membantu pelajar dan juga pensyarah untuk menjalankan kursus ini.

ABSTRACT

The purpose of doing this research is to find out the early preparation done in knowledge and understanding of work field by polytechnic's student before doing their industrial training. This research had been doing to 90 person from Electrical, Civil and Mechanical Engineering's school at certificate level that had finished this program. This research also to find out the weakness of the industrial's program, so that the proposal can be prepared to improve the program. This research covered several aspects such as their self-preparation, their knowledge of working ethics, their social life in Polytechnic, their relationship with Polytechnic Institution, Industrial Organization and also their communication problem with other industrial worker. From the result's analysis, this research showing this programs almost successful except in the aspect of communication skill in working area. Therefore a module about Interpersonal Skill Courses in Working Area was developed in order to address this problem. Content of this module covered three aspects such as accompany organization, communication and social ethics. This module also includes teaching material to help lecture to implement this course. Perhaps, with this module its will help student to understand more an interpersonal skill in working area before doing their industrial practical.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	x
	HALAMAN SENARAI RAJAH	xi
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xii
I	Pengenalan	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Penyataan Masalah	5
	1.3 Persoalan Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Skop Kajian	9
	1.7 Kerangkakerja Teoritikal	9
	1.8 Definisi Istilah	10
II	SOROTAN PENULISAN	12 - 22

III	METEDOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	23
3.1	Rekabentuk Kajian	23
3.2	Sumber Data	24
3.3	Tempat Kajian	25
3.4	Sampel Kajian	26
3.5	Instrumen Kajian	26
3.6	Kajian Rintis	27
3.7	Analisis Data	27
3.8	Batasan Kajian	28
IV	REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK	
4.0	Pengenalan	28
4.1	Latar Belakang	29
4.2	Rekabentuk Produk	30
4.3	Ciri - Ciri Produk	31
4.4	Kronologi Pembinaan Produk	32
4.4.1	Rumusan Soalan	32
4.5	Pembinaan Isi Kandungan Kursus	33
4.6	Pembinaan Jadual Penentu Pengajaran	33
4.7	Permasalahan Dalam Membina Produk	33
4.8	Bahan, Kos dan Masa	34
4.8.1	Bahan	34
4.8.2	Kos	35
4.8.3	Masa	35
V	ANALISIS DATA	
5.0	Pengenalan	36
5.1	Analisis Data Bahagian A	37
5.1.1	Jantina	37
5.1.2	Keturunan	38
5.1.3	Tahap Pendidikan SPM	39
5.1.4	Tempat Tinggal	40
5.2	Analisis Data Bahagian B	41

5.2.1	Analisis data Persoalan Kajian Satu	41
5.2.2	Analisis Data Soalan Kajian Dua	44
5.2.3	Analisis Data Soalan Kajian Tiga	46
5.3	Analisis Data Bahagian C	
5.3.1	Analisis Data Soalan Kajian 4	48
5.3.2	Analisis Data Soalan Kajian 5	52
VI	RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
6.0	Pengenalan	56
6.1	Rumusan	56
6.2	Cadangan	59
6.3	Kesimpulan	60
RUJUKAN		61 - 64
LAMPIRAN A		65
LAMPIRAN B		67
LAMPIRAN C		78
LAMPIRAN D		80
LAMPIRAN E		83
MODUL	Kursus Jangka Pendek Latihan Kemahiran Interpersonal Di Tempat Kerja	



PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
5.1	Jumlah bilangan responden mengikut jantina.	37
5.2	Jumlah bilangan responden mengikut keturunan	38
5.3	Jumlah Bilangan Responden Mengikut Tahap Pendidikan SPM	39
5.4	Jumlah Bilangan Responden Mengikut Penempatan	40
5.5	Menunjukkan persediaan awal pelajar tentang kepentingan latihan industri sebelum menjalani latihan industri tersebut.	41
5.6	Menunjukkan Pengetahuan pelajar tentang keperluan persediaan kemahiran interpersonal sebelum menjalani latihan industri.	44
5.7	Menunjukkan kefahaman pelajar mengenai keadaan sebenar sektor industri sebelum menjalani latihan industri.	47
5.8	Menunjukkan latihan industri dapat membantu pelajar-pelajar dalam pekerjaan sebenar.	49
5.9	Menunjukkan kerjasama yang dijalankan di antara pihak Politeknik dan Pihak Industri ini untuk memastikan Latihan Industri yang dijalankan oleh pelajar-pelajar Politeknik ini mencapai objektifnya.	52
6.1	Menunjukkan Skor Min Bagi Setiap Persoalan Kajian	

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangkakerja Teoritikal	8
3.1	Kerangka Operasi Kajian	23
5.1	Peratusan Pelajar Mengikut Bidang Kejuruteraan	37
5.2	Pecahan Pelajar Mengikut Peratusan Kaum	38
5.3	Bilangan Pelajar Mengikut Pangkat Keputusan SPM Bagi Setiap Bidang Kejuruteraan	39
5.4	Bilangan Pelajar Yang Tinggal Di Asrama dan Di Luar Asrama	40
5.5	Peratusan Keputusan Soalan Soal Selidik Mengikut No. Soalan	43
5.6	Peratusan Keputusan Soalan Soal Selidik Mengikut No. Soalan	45
5.7	Peratusan Keputusan Soalan Soal Selidik Mengikut No. Soalan	47
5.8	Peratusan Keputusan Soalan Soal Selidik Mengikut No. Soalan	50
5.9	Peratusan Keputusan Soalan Soal Selidik Mengikut No. Soalan	53

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Kesahan kaji selidik	65
B	Borang soal selidik kajian modul / analisis data / graf data.	67
C	Sukatan kursus	78
D	Jadual Penentu Pengajaran	80
E	Borang soal selidik kajian projek	83



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Politeknik merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi Awam yang bertanggungjawab untuk melahirkan graduan - graduan yang berkebolehan untuk menjadi tenaga mahir dan separuh mahir di dalam bidang - bidang kejuruteraan untuk diserap ke dalam sektor perindustrian. Kewujudan latihan industri adalah sebagai sebahagian daripada kurikulum pendidikan terutamanya di dalam pendidikan teknikal dan vokasional bagi mencapai cabaran wawasan 2020. Wawasan 2020 ialah satu wawasan yang di cetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menjadikan negara Malaysia sebagai salah sebuah negara maju terutamanya di dalam bidang perindustrian. Untuk merialisasikan impian wawasan 2020 tersebut, negara perlu mengukuhkan ekonominya supaya dapat bersaing dengan negara - negara perindustrian yang lain didunia.

Justeru itu, bagi mencapai ke tahap ekonomi yang terbaik dan berterusan, negara perlu menyediakan tenaga manusia mahir selain daripada pembangunan teknologi. Tanpa tenaga kerja yang mahir dan berkemahiran, produktiviti negara akan merosot. Ini akan secara tidak langsung mengakibatkan keupayaan negara

untuk bersaing dalam ekonomi dunia terjejas. Oleh itu, program - program latihan yang berterusan penting untuk meningkatkan kemahiran tenaga manusia. Oleh kerana itu, sektor swasta dan awam perlu bergabung tenaga untuk menyokong usaha ini.

Salah satu daripada rancangan kurikulum yang disediakan oleh pihak kementerian adalah Latihan Industri. Pelajar - pelajar yang mengambil kursus pada tahap sijil dan diploma di politeknik - politeknik diwajibkan untuk menjalankan latihan industri selama enam bulan sebagai salah satu syarat untuk lulus. Pelajar - pelajar akan di tempatkan di mana-mana industri yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan masing - masing di seluruh Malaysia. Penyediaan tempat untuk latihan industri ini adalah di uruskan oleh pihak pengurusan Politeknik sendiri.

Untuk melahirkan pelajar yang berorientasikan kemahiran, latihan industri telah diperuntukan di dalam rancangan kurikulum di Politeknik tetapi salah satu daripada cabaran lain ialah untuk mempertingkatkan kualiti dalam latihan kemahiran itu sendiri, bagi mengeluarkan pekerja yang betul - betul mahir. Justeru itu, menurut Haji Yahya Bin Emat (1993), tenaga pengajar di institusi latihan vokasional dan teknik perlu mempunyai pengetahuan yang terkini, berorientasikan industri dan mempunyai pengalaman bekerja dalam industri. Oleh itu, kelayakkan akademik tidak lagi menjadi kriteria utama dalam pengambilan tenaga pengajar. Pengalaman industri dan kemahiran teknikal akan menjadi faktor - faktor utama yang akan diambil kira bagi melahirkan pelajar yang benar-benar dapat memenuhi kehendak pasaran industri.

Bagi menunjukkan lagi betapa pentingnya kurikulum latihan industri ini dijalankan, mata pelajaran kemahiran industri juga akan diperkenalkan diperingkat sekolah. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Jabatan Sekolah), Rashdi Ramlan ketika merasmikan Majlis Konvokesyen Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim (Berita Harian, 31 Ogos 2001), Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan mata pelajaran Kemahiran Asas Industri (KAI) kepada pelajar

tingkatan empat dan lima. Langkah itu bertujuan membantu pelajar terbabit memperoleh kemahiran yang akan memudahkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan sendiri atau melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam bidang yang berkaitan. Keperluan kemahiran di dalam bidang industri ini telah menyebabkan ianya di perembangkan dari peringkat sekolah kini.

1.1 Latar Belakang Masalah :

Malaysia merupakan salah sebuah negara membangun yang meletakkan matlamat untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Justeru itu, Kerajaan telah merangka satu Rangka Kerja Jangka Panjang Kedua bagi tempoh tahun 1991 - 2000 untuk merealisasikan matlamat tersebut dimana, purata sebanyak 7% pertumbuhan ekonomi setahun di dalam bidang pengeluaran industri akan menjadi matlamat kerajaan. Bidang keluaran industri ini akan menyumbang kepada 37% daripada keluaran kasar tempatan. Untuk itu, dijangka peningkatan dari teknologi proses yang mudah kepada teknologi yang lebih canggih akan memerlukan kepakaran 153,000 jurutera dan pembantu teknik. Manakala dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP3) Malaysia antara 2001 dan 2010, sektor pembuatan dijangka boleh mencapai pertumbuhan ekonomi tahunan sehingga 8.3% setahun.

Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan bagi pendidikan teknik dan vokasional untuk berupaya mengeluarkan tenaga pekerja yang berkepakaran tinggi serta selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara. Justeru itulah, pihak kementerian telah meletakkan latihan industri sebagai salah satu daripada kurikulum pendidikan terutamanya di Politeknik. Kepentingan latihan industri ini bukan sahaja bagi mengeluarkan pelajar yang mempunyai kemahiran yang selaras dengan keperluan industri bahkan juga supaya pihak industri dan pendidikan sentiasa bekerja sama bagi meningkatkan lagi penyelidikan di dalam bidang teknologi. Menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Rafidah Aziz (Berita Harian, 4 April

2001) terdapat keperluan bagi perkongsian rapat antara kerajaan dan sektor swasta untuk mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi tersebut.

Daripada perspektif organisasi atau industri pula, objektif firma tercapai apabila pekerjaannya melaksanakan tugas-tugas dengan berkesan. Untuk melaksanakan tugas yang diberi dengan berkesan, mereka mestilah diberi latihan yang berkesan. Menurut David G Reay (1994), matlamat mengadakan latihan adalah untuk membina kemahiran yang baru, pengetahuan atau pengalaman. Kejayaan suatu latihan adalah berkait rapat dengan sejauh mana teori pembelajaran dan kemahiran di peroleh secara serentak. Perkara paling penting bagi pelaksanaan latihan industri adalah dengan melihat kepada perbezaan antara perolehan pembelajaran konsep dan pembelajaran kemahiran yang dapat di lihat daripada keterampilan seseorang.

Sumber manusia merupakan input yang sangat penting dari segi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Sumber ini merupakan penggerak kepada input lain dalam proses pengeluaran. Tanpa sumber manusia, maka input - input lain seperti modal fizikal dan bahan mentah tidak dapat digembeleng dengan sempurna. Oleh itu, kualiti modal manusia mestilah dipertingkatkan untuk menambah kecekapan dan daya pengeluaran mereka. Menurut Ibrahim bin Mamat (1996) daya pengeluaran buruh mempunyai perhubungan yang positif dengan taraf pendidikan dan latihan. Semakin tinggi taraf pendidikan dan latihan yang dimiliki seseorang, maka semakin produktif individu berkenaan. Ini membuktikan bahawa pendidikan mempunyai perhubungan yang positif dengan tingkat keluaran negara dan pertumbuhan ekonomi. Oleh kerana itu, program - program latihan menjadi sangat penting untuk meningkatkan kemahiran tenaga manusia di dalam bidang industri sesuai dengan keperluan negara pada masa kini.

1.2 Penyataan Masalah :

Menyedari betapa pentingnya pengalaman dan kemahiran selain daripada pengetahuan di dalam seseorang pelajar itu sebelum memasuki alam pekerjaan, program latihan industri telah diletakkan sebagai salah satu daripada kurikulum pendidikan di Politeknik oleh pihak kementerian. Maka kajian mengenai latihan industri sebagai medium untuk memasuki alam pekerjaan. Ini di buat bagi mengkaji sejauh mana keberkesanan latihan industri yang dijalankan oleh pelajar - pelajar di Politeknik benar - benar menyediakan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan. Kajian juga di buat untuk melihat sama ada pelajar - pelajar ini dapat menggunakan masa latihan industri tersebut untuk mengaplikasikan teori pembelajaran mereka ke dalam bidang amali serta memahami etika kerja jurutera.

Jika melihat kepada kajian yang telah dibuat mengenai tahap kefahaman pelajar dan pensyarah mengenai keperluan latihan industri di Politeknik, pola menunjukkan hampir separuh daripada responden, tidak mengetahui mengenai alam pekerjaan sehinggalah mereka menjalankan latihan industri. Manakala hampir separuh daripada responden mengatakan bahawa latihan industri yang dijalankan mengambil masa yang agak lama. Justeru itu, satu kajian perlu dijalankan bagi melihat keberkesanan latihan industri ini dikalangan pelajar dan bagaimanakah program yang disusun oleh pihak Politeknik ini dapat menyediakan pelajar untuk menghadapi alam pekerjaan dan faktor-faktor sampingan yang menjejaskan keberkesanan latihan industri tersebut.

Apakah yang akan berlaku sekiranya latihan industri ini dijalankan kurang daripada masa yang telah ditetapkan kini atau tidak menjadi keperluan Politeknik untuk meluluskan pelajar? Akibat daripadanya berkemungkinan pelajar-pelajar yang dikeluarkan oleh pihak Politeknik tidak menepati kehendak pasaran industri, pelajar menjadi kurang minat untuk mengikuti kursus yang ditawarkan kerana kurangnya pasaran kerja bagi pelajar tersebut. Justeru itu, kajian yang menyeluruh hendaklah

menyeluruh hendaklah dibuat bagi melihat bagaimana latihan industri dikatakan sebagai medium memasuki alam pekerjaan bagi pelajar.

Walaupun bagaimanapun, setelah pihak Politeknik merangka kurikulum latihan industri di Politeknik, masalah tetap ada, sama ada melibatkan Politeknik atau pihak industri. Justeru itu, kajian yang menyeluruh hendaklah dibuat bagi meneliti semula program ini serta membaik pulih rangka kerja yang telah dibuat. Ini adalah bertujuan supaya pelajar lebih mendapat manfaat yang banyak daripada latihan industri yang dibuat. Sehubungan itu, pengkaji akan meninjau keberkesanan program latihan industri ini didalam lima aspek iaitu, kesediaan awal, kefahaman, pengetahuan serta manfaat latihan industri ini kepada pelajar.

1.3 Persoalan Kajian :

Bagi mengkaji keberkesanan latihan industri ini kepada pelajar di Politeknik beberapa soalan kajian telah di buat iaitu seperti berikut :

- (i) Sejauh manakah kesediaan awal pelajar tentang kepentingan latihan industri sebelum menjalani latihan industri?
- (ii) Sejauh manakah pengetahuan pelajar tentang keperluan persediaan kemahiran interpersonal sebelum menjalankan latihan industri?
- (iii) Sejauh manakah kefahaman pelajar mengenai keadaan sebenar sektor industri sebelum menjalankan latihan industri?
- (iv) Sejauh manakah latihan industri dapat membantu pelajar-pelajar dalam pekerjaan sebenar?
- (v) Sejauh manakah kerjasama yang dijalinan di antara pihak Politeknik dan Pihak Industri dalam memastikan keberkesanan latihan industri

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif-objektif yang berikut:

- (i) Mengkaji pengetahuan pelajar terhadap kepentingan pelaksanaan program latihan industri terhadap mereka.
- (ii) Meninjau sejauh mana kesediaan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan setelah menjalankan Latihan Industri.
- (iii) Mengkaji keperluan kemahiran interposonal pelajar sebelum menghadapi latihan industri.
- (iv) Meninjau sejauh mana penglibatan / peranan pensyarah dan pihak industri dalam menjayakan latihan industri yang dibuat.
- (v) Membina modul kursus jangka pendek latihan kemahiran interpersonal di tempat kerja.

1.5 Kepentingan Kajian :

Penyelidikan ini dibuat bagi memberi maklumat yang lebih jelas mengenai keberkesanan latihan industri dan masa yang diambil untuk mengikuti latihan tersebut ke atas pelajar kejuruteraan. Ini adalah supaya kualiti pelajar yang dikeluarkan oleh pihak kementerian memenuhi kehendak pasaran industri.


Kajian ini juga dibuat bagi mengenal pasti masalah - masalah yang dihadapi oleh pelajar yang mengikuti latihan industri ini yang tidak diketahui oleh pihak kementerian. Dengan ini tindakan yang sepatutnya dapat diambil. Penyelidik juga melakukan kajian ini bagi melihat sejauh mana pihak industri bekerjasama di dalam melatih pelajar melakukan kerja - kerja yang berkaitan dengan bidang teknikal dan bagaimana mereka memanfaatkan pengetahuan yang sedia ada pada pelajar.

1.6 Skop Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dijalankan kepada pelajar Tahun Dua, semester dua bagi kursus Kejuruteraan Elektrik - Elektronik, Mekanikal, dan Awam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.

1.7 Kerangka kerja Teoritikal.

Kerangkakerja teoritikal pengkaji adalah seperti berikut;



Rajah 1.1 : Kerangka kerja Teoritikal

1.8 Definisi Istilah Dan Pengoperasian

Terdapat beberapa istilah yang kerap kali digunakan bagi kajian ini . Bagi memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada maksud istilah ini, definisi - definisi istilah tersebut dinyatakan di bawah.

(i) Latihan Industri.

Latihan industri adalah program pendidikan yang merupakan langkah untuk mengembangkan potensi pelajar bidang kejuruteraan dan membina keupayaan untuk menjalankan tugas - tugas apabila mereka tamat pengajian bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran ekonomi negara.

(ii) Amalan Kejuruteraan

Kerja - kerja praktikal di bidang kejuruteraan iaitu kerja - kerja pembuatan, operasi pengeluaran menggunakan mesin dan peralatan, pemeriksaan dan kawalan kualiti, kawalan proses dan instrumental, merekabentuk, penyengelara dan membaik pulih mesin dan peralatan serta pemasangan peralatan baru dan ujikaji.

(iii) Etika Kerja Jurutera

Norma - norma profesional yang menjadi amalan kerja seseorang jurutera seperti cekap, tekun, menepati masa, jujur, amanah, bertanggungjawab terhadap tugas, hasil kerja yang cemerlang, bekerja dengan penuh semangat dan bijak berkomunikasi serta bergaul dengan orang di persekitarannya.

(iv) Pelajar

Pelajar tahun 2, semester 2, sesi 2002/2003, kursus sijil Kejuruteraan Elektrik dan elektronik, mekanikal dan awam, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.

(v) **Tarif Teknik**

Pengetahuan yang berkaitan dengan pembuatan barang-barang hasil industri seperti jentera, kenderaan dan bangunan. Ianya juga adalah suatu kaedah mencipta sesuatu hasil yang berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu kerja yang arif dalam sesuatu bidang (cara,tatacara,kaedah prosedur,sistem atau metod dalam sesuatu pekerjaan.)

(vi) **Pengalaman bekerja**

Pengalaman bekerja ialah suatu aktiviti yang dijalankan oleh pelajar di mana pelajar mendapat pendedahan secara personal kepada suasana bekerja sebenar tanpa mempunyai identiti sebagai pekerja sepenuhnya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN PENULISAN

Di Malaysia pada hari ini, pola perkembangan pendidikan menunjukkan bahawa pendidikan vokasional semakin dipandang penting oleh Masyarakat. Semakin ramai ibu-bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah vokasional daripada sekolah akademik jadi kerajaan pula haruslah semakin giat membina lebih banyak sekolah-sekolah vokasional dan teknik ditempat-tempat yang telah ditetapkan diseluruh negara. Malahan, pada peringkat pengajian tinggi juga, ibu bapa bahkan pelajar itu sendiri cenderung untuk mengambil kursus-kursus didalam bidang teknikal seperti bidang-bidang kejuruteraan samaada diperingkat sijil, diploma mahupun ijazah. Pola kecenderungan ini menunjukkan betapa corak pembangunan ekonomi sesebuah negara itu mempengaruhi masyarakatnya.

Satu hakikat yang tidak dapat disangkal ialah perkembangan yang pesat adalah berkaitan rapat dengan pembangunan sektor ekonomi yang berteraskan penggunaan sains dan teknologi. Keperluan tenaga kerja yang ramai lagi mahir untuk menggerakkan projek-projek pembangunan , secara langsung mempengaruhi perkembangan dan corak pendidikan akademik dan vokasional. Sesungguhnya satu pertalian yang rapat dan pengaruh-mempengaruhi akan terjalin antara pendidikan dengan pekerjaan.

Satu lagi faktor yang menyebabkan pendidikan vokasional di anggap semakin penting adalah berkaitan dengan corak pembangunan ekonomi negara. Ekonomi negara telah berubah daripada yang mudah kepada yang kompleks dan khusus di kalangan pekerjaanya, justeru itu pendidikan formal dan berbentuk kemahiran adalah untuk membolehkan lebih ramai pekerja yang terlatih dikeluarkan. Latihan yang memberi kemahiran untuk pekerjaan yang khusus adalah menerusi pendidikan yang bercorak vokasional dan teknikal. Menerusi sistem pendidikan juga sebarang pengubahsuaian dan latihan semula yang diperlukan boleh dijalankan.

Justeru itu, Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) semakin menjadi satu bidang yang begitu penting dalam membantu menjana pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia. Bermula dari tahun 1979 di mana satu Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pendidikan telah diterbitkan, melatih dan menyediakan para pelajar untuk mengharungi dunia pekerjaan serta pendedahan kepada suasana kerja dari awal lagi telah dilakukan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan di Malaysia. Keadaan tersebut berterusan sehingga kini dengan pertambahan jumlah politeknik-politeknik di serata negara yang memberikan pendidikan lanjutan kepada lepasan PTV.

Adalah menjadi matlamat kerajaan Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Untuk ini, peningkatan dari teknologi berasaskan proses yang mudah kepada teknologi yang lebih canggih akan memerlukan kepakaran 153,000 jurutera dan pembantu teknik. Keperluan sumber manusia yang begitu banyak pasti memberi cabaran yang besar kepada pendidikan teknik dan vokasional

Justeru itu, bermula dengan menyediakan peluang belajar kepada pelajar yang ketinggalan atau pun lemah dalam pendidikan menengah awal khususnya selepas Sijil Rendah Pelajaran (SRP), PTV terus mengorak langkah pantas menjadikannya satu sistem alternatif bagi menyediakan latihan pendidikan. Rancangan Malaysia ke Enam (1991- 1995) yang merupakan fasa pertama “ second

Outline Prospective Plan” (OPP2: 1991 – 2000) dan kini Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP3: 2001 - 2010) telah menempatkan pembangunan guna tenaga, manusia sebagai penekanan utama dan dasar strategik untuk meningkatkan Malaysia kepada sebuah negara perindustrian. Strategi untuk mencapai objektif ini adalah luas dan menyeluruh serta meliputi dasar pembangunan manusia, menggalakkan naik taraf teknologi dan mengurangkan ketidak-seimbangan struktur antara sektor dan tempat dalam negara ini.

Untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, kadar peratusan pelajar yang memasuki pusat-pusat pengajian tinggi ditingkatkan sekurang-kurangnya pada kadar 25% daripada jumlah yang layak. Cadangan juga dibuat supaya 50% daripada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi ini mestilah ditempatkan di politeknik-politeknik diseluruh Malaysia. Menurut Ramlee Mustapha (1999), kebanyakan majikan tidak berpuashati dengan kemahiran efektif yang dimiliki oleh lepasan pendidikan teknik dan vokasional terutamanya dari segi kemahiran berkomunikasi, kemahiran sosial dan interpersonal serta kemahiran berfikir secara kritis. Oleh itu tumpuan perkembangan pendidikan adalah untuk memperbaiki mutu pendidikan, meluaskan kemahiran yang membolehkan mendapat pekerjaan dalam kurikulum dan mewujudkan sistem latihan yang berkesan.

Pertambahan penggunaan teknologi yang canggih dan proses pengeluaran untuk memperbaiki produktiviti serta persaingan antarabangsa, pendidikan teknik dan vokasional perlu menghasilkan latihan asas keupayaan kognitif dan kemahiran yang boleh ditingkatkan dalam situasi tempat kerja. Untuk mencapai matlamat ini Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan (1991) telah mencadangkan kualiti dan bekalan pekerja mahir industri perlu ditingkatkan dalam instistusi PTV melalui kecekapan dan keberkesanan yang kos efektif. Strategi yang diambil sebagai garis panduan dalam rancangan Malaysia ke enam, termasuk tindakan berikut:

- (i) Menambah enrolmen pelajar menengah vokasional kepada peratusan yang terdapat di sekolah menengah biasa iaitu lapan peratus dengan membina lapan buah sekolah menengah vokasional khas dan empat buah politeknik:

Rujukan

Abdul Jalil Hassan, 1998. Keunggulan Peribadi Ke Arah Pekerja Gemilang. Majalah Khidmat, Mac/April 1998.

Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2000), "Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh", Kuala Lumpur: PTS Publications Distribution Sdn. Bhd.

Amundson, Kristen. "Speaking and Writing Skills for Educators." Arlington, Virginia: American Association of School Administrators, 1993. 20 pages.

Anderson R.G. (1980) Organisation and Methods. 2nd Ed. Macdonald & Evans Ltd. Plymouth U.K

Covey, Stephen R. "The Seven Habits of Highly Effective People." New York: Fireside Books, Simon and Schuster, 1990.

David G Reay (1994), Understanding The Training Function, Nichols Publishing, New Jersey.

David Jaques, 1992. Learning in Groups. Second Edition. London.

G. Tomlinson (1995), Industrial Workshop Practice, Pitman Publishing Ltd, London.

- Geddes, Doreen S. "Keys to Communication. A Handbook for School Success." In the *Practicing Administrator's Leadership Series*, edited by Jerry J. and Janice L. Herman. Thousand Oaks, California: Corwin Press, 1995. 59 pages. ED 377 575.
- Gemmet, Richard. "A Monograph on Interpersonal Communications." Redwood City, California: San Mateo County Superintendent of Schools, 1977. 48 pages. ED 153 323.
- Glaser, Susan, and Anthony Biglan. "Increase Your Confidence and Skill in Interpersonal Situations: Instructional Manual." Eugene, Oregon: Authors, 1977.
- Haji Yahya bin Emat(1993), Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020, *Jurnal Pendidikan*, 37(E): 1-7, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hashim Fauzy Yaacob (1997). "Pengantar Komunikasi Manusia", Johor: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.
- Ibrahim bin Mamat (1996), Reka Bentuk Dan Pengurusan Latihan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Jaafar Muhamad (1997), "Kelakuan Organisasi – Edisi Ketiga", Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Jung, Charles, and others. "Interpersonal Communications: Participant Materials and Leader's Manual." Portland, Oregon: Northwest Regional Educational Laboratory, 1973. 935 pages. ED 095 127.
- Khairunnisa Hussin, 1996. 20 Panduan Penampilan Hebat. *Majalah Jelita*, Ogos 1996. 'Kilang Diarah Tingkat Kesedaran Keselamatan', 30 Jun 2001 ; *Berita Harian*.
- Lucas S.E. (1998), "The Art Of Public Speaking – 6th Edition", USA: McGraw Hill.

Maimunah Osman (2000), "Pengucapan Awam Yang Berkesan", Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

'Majikan Harus Tumpu Sistem Pendidikan Industri', 27 April 2001 ; Berita Harian.

'Mata pelajaran Kemahiran Asas Industri diperkenalkan', 31 Ogos, 2001; Berita Harian.

Miller, K (1999) Organizational Communication, 2nd Ed. International Thomson Publishing, USA

Mohd Najib Ghafar (1999), Penyelidikan Pendidikan , Fakulti Pendidikan UTM, Skudai Johor.

Norman E. Wallen / Jack R. Fraenkel (1991), Educational Research: A Guide To The Process, Mc Graw-Hill, Inc

Osterman, Karen F. "Communication Skills: A Key to Caring, Collaboration, and Change." A paper presented at the annual conference of the University Council for Educational Administration, Houston Texas, October 29-31, 1993. ED 363 973.

'Pekerja Kurang Ilmu Bahya Persekitaran', 14 September 2000; Berita Harian.

'Pelajar Akan Diberi Pendedahan Mengenai Keselamatan Tempat Kerja' , 14 Ogos 2001 ; Berita Harian.

Pierson, Patricia R., and Paul V. Bredeson. "It's Not Just a Laughing Matter: School Principals' Use of Humor in Interpersonal Communications with Teachers." "Journal of School Leadership" 3, 5 (September 1993): 522-33. EJ 466 909.

Ramlee Mustapha (1999), Pengintegrasikan Akademik Dan Vokasional Cabaran Pendidikan Alaf Baru, Jurnal Teknologi, 32(E): 11-22, Universiti Teknologi Malaysia.

'Sektor Industri Masih Perlukan Lulusan Politeknik', 30 Mac 2001 ; Berita Harian.

'Sektor Pembuatan Mampu Capai Pertumbuhan 8.3 Peratus', 4 April 2001 ; Berita Harian.

W Norton Grubb and Paul Ryan (1999), Vocational Education and Training, Kogan Page, London.

William Wiersma (1995), Research Methods Education. A Simon and Schuster Company, United States of America.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH